



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 24 TAHUN 2013

PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI KEBUDAYAAN, PENERBIT RANCANGAN, ARTIS BUDAYA, AHLI MUZIK, AHLI FOTOGRAFI, JURUSOLEK, PEREKA DAN PEGAWAI BERITA

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mengenai pindaan semua skim perkhidmatan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Bakat dan Seni dan skim perkhidmatan Pegawai Berita yang sedang berkuat kuasa.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan bersetuju supaya semua skim perkhidmatan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Bakat dan Seni dimantapkan selaras dengan perkembangan semasa dalam bidang bakat dan seni. Pindaan skim perkhidmatan ini melibatkan pindaan nama skim perkhidmatan, penyusunan semula gred jawatan dan hierarki perkhidmatan serta peningkatan tanggungjawab dan kompleksiti tugas.
3. Kerajaan juga bersetuju mewujudkan perbekalan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) daripada skim perkhidmatan Ahli Fotografi, Artis Budaya dan Jurusolek kepada

skim perkhidmatan lain yang lebih tinggi berdasarkan kesesuaian serta kesinambungan peranan dan fungsi tugas yang dijalankan. Pewujudan perbekalan ini diharap dapat menyediakan laluan kemajuan kerjaya kepada penyandang untuk meningkat ke peringkat yang lebih tinggi.

PINDAAN

4. Skim perkhidmatan Pegawai Kebudayaan, Penerbit Rancangan, Artis Budaya, Ahli Muzik, Ahli Fotografi, Jurusolek, Pereka dan Pegawai Berita dipinda seperti berikut:

- (a) nama skim perkhidmatan Ahli Fotografi dipinda kepada Jurufotografi;
- (b) Gred B11 dan B13/14 bagi skim perkhidmatan Pegawai Kebudayaan serta Gred B11 bagi skim perkhidmatan Pereka, Ahli Fotografi dan Jurusolek dimansuhkan;
- (c) penambahan gred jawatan/gaji iaitu Gred B21/22, B25/26 dan B37/38 bagi skim perkhidmatan Artis Budaya serta Gred B25/26 dan B37/38 bagi skim perkhidmatan Pereka;
- (d) kelayakan akademik dijadikan salah satu syarat lantikan bagi skim perkhidmatan Pegawai Kebudayaan, Penerbit Rancangan, Artis Budaya, Ahli Muzik, Jurufotografi, Jurusolek dan Pereka; dan
- (e) perbekalan PSL diperuntukkan daripada skim perkhidmatan Jurufotografi, Artis Budaya dan Jurusolek kepada skim perkhidmatan Penerbit Rancangan, Pereka, Pegawai Berita dan Pegawai Kebudayaan seperti berikut:

Daripada	Kepada
Jurufotografi Gred B27/28, B31/32, B37/38	Penerbit Rancangan Gred B41, Pereka Gred B41, Pegawai Berita Gred S41

Daripada	Kepada
Artis Budaya Gred B27/28, B31/32, B37/38	Pegawai Kebudayaan Gred B41
Jurusolek Gred B17, B21/22, B25/26	Pereka Gred B27

5. Skim-skim perkhidmatan Pegawai Kebudayaan, Penerbit Rancangan, Artis Budaya, Ahli Muzik, Jurufotografi, Jurusolek, Pereka dan Pegawai Berita yang baharu adalah seperti di **Lampiran A, A1, A2, A3, A4, A5, A6 dan A7**. Contoh format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B**.

PELAKSANAAN

Prinsip Umum Pertukaran Pelantikan

6. Pegawai hendaklah ditukar lantik ke jawatan baharu di skim perkhidmatan yang sama atau berlainan pada gred yang setara dengan jawatan asal. Pegawai yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan dalam kelompok kelayakan lebih tinggi pula, gred jawatan yang akan ditawarkan adalah pada gred lantikan. Sekiranya tiada gred setara, maka jawatan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) boleh diwujudkan.

Pertukaran Pelantikan

7. Pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Kebudayaan, Penerbit Rancangan, Artis Budaya, Ahli Muzik, Ahli Fotografi, Jurusolek, Pereka dan Pegawai Berita sedia ada yang **dilantik secara tetap** akan ditukar lantik ke gred yang lebih tinggi atau dipindahkan mengikut gred ke gred di skim perkhidmatan Pegawai Kebudayaan, Penerbit Rancangan, Artis Budaya, Ahli Muzik, Jurufotografi, Jurusolek, Pereka dan Pegawai Berita yang baharu seperti berikut:

- (a) Pegawai Kebudayaan, Ahli Fotografi, Jurusolek atau Pereka di Gred B11 dan B13/14 yang memiliki kelayakan SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan atau berkhidmat melebihi tempoh enam (6) tahun di skim perkhidmatan asal pada tarikh kuat

kuasa pertukaran pelantikan akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Kebudayaan, Jurufotografi, Jurusolek atau Pereka di Gred B17;

- (b) Pegawai Kebudayaan, Ahli Fotografi, Jurusolek atau Pereka di Gred B18 akan dipindahkan ke skim perkhidmatan Pegawai Kebudayaan, Jurufotografi, Jurusolek atau Pereka yang baharu di Gred B17 dengan gaji secara KUP atas Gred B18; atau
- (c) pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Kebudayaan, Penerbit Rancangan, Artis Budaya, Ahli Muzik, Ahli Fotografi, Jurusolek, Pereka atau Pegawai Berita sedia ada (kecuali Pegawai Kebudayaan, Ahli Fotografi, Jurusolek atau Pereka di Gred B11, B13/14 dan B18) akan dipindahkan mengikut gred ke gred di skim perkhidmatan Pegawai Kebudayaan, Penerbit Rancangan, Artis Budaya, Ahli Muzik, Jurufotografi, Jurusolek, Pereka atau Pegawai Berita yang baharu.

8. Tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira bagi tujuan pertukaran lantikan ini adalah tempoh perkhidmatan tetap dalam skim perkhidmatan asal, tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji atau mana-mana tempoh yang tidak diambil kira berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.

9. Pegawai Kebudayaan, Ahli Fotografi, Jurusolek atau Pereka di Gred B11 dan B13/14 yang **belum memenuhi** syarat pertukaran pelantikan akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP. Gaji pegawai hanya akan diselaraskan ke gaji baharu dalam skim perkhidmatan Pegawai Kebudayaan, Jurufotografi, Jurusolek atau Pereka di Gred B17 sehari selepas memenuhi syarat seperti ditetapkan. Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan urusan pelarasan ini direkodkan dalam kenyataan perkhidmatan pegawai.

10. Pegawai Kebudayaan, Ahli Fotografi, Jurusolek atau Pereka Gred B11 dan B13/14 yang memiliki kelayakan dan bersetuju ditukar lantik hendaklah ditempatkan di jawatan Pegawai Kebudayaan, Jurufotografi, Jurusolek atau Pereka Gred B17 sedia ada yang kosong. Sekiranya kekosongan sedia ada tidak dapat menampung bilangan pegawai yang ditukar lantik, Ketua Jabatan hendaklah menghubungi jabatan ini

[Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO)] untuk mewujudkan jawatan Pegawai Kebudayaan, Jurufotografi, Jurusolek atau Pereka Gred B17 secara KUP sehingga pegawai dapat mengisi jawatan Pegawai Kebudayaan, Jurufotografi, Jurusolek atau Pereka Gred B17 secara hakiki atau dinaikkan pangkat atau meninggalkan perkhidmatan. Jawatan KUP ini hendaklah dimansuhkan apabila penyandang mengosongkan jawatan KUP tersebut atas sebab kenaikan pangkat atau meninggalkan perkhidmatan. Sekiranya ada keperluan untuk menggantikan jawatan yang dimansuhkan tersebut, agensi hendaklah mengemukakan permohonan dengan justifikasi yang lengkap kepada jabatan ini (BPO) untuk pertimbangan.

11. Jabatan ini akan melaksanakan perubahan jawatan dalam Senarai Perjawatan sedia ada. Agensi diminta menghubungi jabatan ini (BPO) sekiranya urusan tukar lantik ini mengakibatkan perubahan struktur organisasi atau masalah penyeliaan kerja.

12. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, semua lantikan hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baharu dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

PEMBERIAN OPSYEN

13. Ketua Jabatan hendaklah menawarkan opsyen kepada pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pegawai Kebudayaan di Gred B11 dan B13/14, Ahli Fotografi, Jurusolek dan Pereka di Gred B11 bagi membolehkan pegawai membuat pilihan.

14. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang baharu.

15. Pegawai yang menolak opsyen atau tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baharu ini. Dengan ini:

- (a) pegawai akan kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP;
 - (b) pegawai akan berada dalam skim perkhidmatan asal yang telah diumumkan dan tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan asal; dan
 - (c) pegawai tidak layak menikmati keistimewaan dan penambahbaikan yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Pereka, Jurufotografi, Jurusolek dan Pegawai Kebudayaan yang baharu dan sebarang pindaan kepadanya.
16. Semua pegawai yang terlibat akan diberi tempoh **30 hari** mulai tarikh surat opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran opsyen ini. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.
17. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf **tetap** dan masih dalam perkhidmatan pada 1 November 2013, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta berada dalam Sistem Saraan Malaysia.
18. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada mereka yang berada dalam keadaan berikut:
- (a) dipinjamkan atau ditukar sementara;
 - (b) sedang bercuti;
 - (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
 - (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
 - (e) sedang menjalani hukuman tatatertib.
19. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

20. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 18, Ketua Jabatan boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama **(30 hari)** untuk membolehkan mereka membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

21. Bagi urusan pemberian opsyen pertukaran pelantikan bagi Pegawai Kebudayaan di Gred B11 dan B13/14, Ahli Fotografi, Jurusolek dan Pereka di Gred B11 sedia ada, dokumen yang berkaitan adalah seperti berikut:

(a) **Pegawai Yang Memiliki Kelayakan**

- (i) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Pegawai Kebudayaan Gred B11, Ahli Fotografi Gred B11, Jurusolek Gred B11 dan Pereka Gred B11 seperti di **Lampiran C, C1 dan C2**; dan
- (ii) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Pegawai Kebudayaan Gred B13/B14 seperti di **Lampiran D, D1 dan D2**.

(b) **Pegawai Yang Tidak Memiliki Kelayakan**

- (i) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Pegawai Kebudayaan Gred B11, Ahli Fotografi Gred B11, Jurusolek Gred B11 dan Pereka Gred B11 seperti di **Lampiran E, E1 dan E2**; dan
- (ii) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Pegawai Kebudayaan Gred B13/B14 seperti di **Lampiran F, F1 dan F2**.

22. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai lantikan **sementara** atau **kontrak** dan perkhidmatan pegawai tersebut perlu ditamatkan. Urusan pelantikan semula pegawai berkenaan akan diuruskan oleh Ketua Jabatan, tertakluk memenuhi syarat skim perkhidmatan yang baharu.

Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Dalam Skim Perkhidmatan Asal Bagi Pegawai Yang Ditukar Lantik ke Gred Jawatan Lebih Tinggi

23. Pegawai Kebudayaan Gred B11 dan B13/14, Ahli Fotografi Gred B11, Jurusolek Gred B11 dan Pereka Gred B11 yang ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan sebagai Pegawai Kebudayaan Gred B17, Ahli Fotografi Gred B17, Jurusolek Gred B17 dan Pereka Gred B17 layak untuk membuat pilihan sama ada:

- (a) terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan; atau
- (b) ditukar lantik setelah pegawai dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal.

24. Pegawai yang memilih untuk terus ditukar lantik ke Pegawai Kebudayaan Gred B17, Ahli Fotografi Gred B17, Jurusolek Gred B17 dan Pereka Gred B17 tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat secara *time-based* di skim perkhidmatan asal kerana telah ditukar lantik ke gred jawatan yang lebih tinggi.

25. Pegawai yang memilih untuk kekal dalam skim perkhidmatan asal sehingga dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan, akan berada dalam skim perkhidmatan asal secara KUP. Pegawai akan dipertimbangkan kenaikan pangkat apabila menggenapkan tempoh 13 tahun di skim perkhidmatan asal. Seterusnya, pegawai akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan berkuat kuasa sehari selepas pegawai dinaikkan pangkat secara *time-based* tersebut.

26. Pegawai Kebudayaan Gred B11 dan B13/14, Ahli Fotografi Gred B11, Jurusolek Gred B11 dan Pereka Gred B11 yang belum memenuhi syarat tempoh genap enam (6) tahun perkhidmatan untuk ditukar lantik serta memilih untuk kekal dalam skim perkhidmatan asal sehingga dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan

kecemerlangan akan berada dalam skim perkhidmatan asal secara KUP. Pegawai akan dipertimbangkan kenaikan pangkat apabila menggenapkan tempoh 13 tahun di skim perkhidmatan asal termasuk tempoh enam (6) tahun perkhidmatan yang perlu dipenuhi bagi tujuan tukar lantik.

27. Sekiranya pegawai di perenggan 25 dan 26 tidak berjaya dinaikkan pangkat dalam tempoh *time-based* yang ditetapkan, pegawai boleh memohon untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan. Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan adalah pada tarikh semasa yang diluluskan oleh Ketua Jabatan.

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

28. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Pihak Berkuasa Melantik akan mewakilkan kuasa kepada Ketua Jabatan untuk menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

(b) **Ketua Jabatan**

- (i) menawarkan opsyen kepada pegawai terlibat;
- (ii) memberi penjelasan terperinci mengenai opsyen kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;
- (iii) mengemas kini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan

- (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan dan melaporkan kepada jabatan ini (BPO) mengenai status pelaksanaan pekeliling ini sebelum 1 Mei 2014 mengikut format seperti **Lampiran G**.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Pemilihan opsyen adalah muktamad;
- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh Ketua Jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) mengembalikan borang opsyen dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

29. Pegawai akan ditawarkan gaji permulaan di jawatan baharu seperti berikut:

- (a) pada gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau
- (b) pada amuan gaji yang sama dengan amuan gaji akhir di gred jawatan asal jika gaji akhir di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu.

30. Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji dalam Jadual Gaji Minimum - Maksimum mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada jabatan ini (Bahagian Saraan) dengan mengemukakan

salinan kenyataan perkhidmatan pegawai terlibat yang telah dikemas kini dan disahkan.

31. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan ini adalah seperti di **Lampiran H**.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

32. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini dikekalkan mengikut TPG jawatan asal.

ELAUN DAN KEMUDAHAN

33. Urusan pertukaran pelantikan ini tidak melibatkan sebarang perubahan elaun dan kemudahan yang sedang diterima oleh pegawai mengikut pekeliling perkhidmatan/surat pekeliling perkhidmatan/surat edaran yang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, penetapan kadar elaun dan kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada penetapan gred jawatan pegawai ditukar lantik.

TARIKH KUAT KUASA

34. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 November 2013**.

PEMBATALAN

35. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Penerbit Rancangan, Ahli Muzik, Pegawai Kebudayaan, Pereka, Ahli Fotografi, Artis Budaya, Jurusolek dan Pegawai Berita di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan, kecuali untuk pegawai yang menolak opsyen.

PEMAKAIAN

36. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeling ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

29 Oktober 2013

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

LAMPIRAN A

SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI KEBUDAYAAN

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN BAKAT DAN SENI
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL, PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
GRED JAWATAN/GAJI	:	B17, B21/22, B25/26, B27/28, B31/32, B37/38, B41/42, B43/44, B47/48, B51/52 , B53/54
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2013

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B17

- (c) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17:RM936.00); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17: RM936.00);

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B27

- (d) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27:RM1,368.00); atau

- (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27: RM1,368.00); atau

- (iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27: RM1,368.00); atau

- (iv) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27: RM1,668.78);

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B41

- (e) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B41: RM1,926.00);
atau

- (ii) ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B41: RM1,926.00);
atau

- (iii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B41: RM2,133.30).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- 2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(c)(ii) atau 1(d)(ii), 1(d)(iii), 1(d)(iv) atau 1(e) hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PEGAWAI KEBUDAYAAN GRED B21 ATAU B25

- 3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Kebudayaan Gred B21 atau B25 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(c) dan 2 di atas; dan

- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau

- (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred B21: RM1,960.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B25: RM2,503.00)

SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PEGAWAI KEBUDAYAAN GRED B31 ATAU B37

- 4. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Kebudayaan Gred B31 atau B37 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

(a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(d) dan 2 di atas; dan

(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau

(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred B31: RM2,734.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B37: RM3,430.00).

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

5. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Artis Budaya Gred B27/28, B31/32, B37/38 adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pegawai Kebudayaan Gred B41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(e) di atas; dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
PEGAWAI KEBUDAYAAN
GRED B43, B47, B51 ATAU B53**

6. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Kebudayaan Gred B43, B47, B51 atau B53 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

(a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(e) dan 2 di atas;

(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau

(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred B43: RM3,412.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B47: RM4,959.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B51: RM5,579.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B53: RM5,884.00).

SYARAT UJIAN KHAS

7. Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang kebudayaan sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

8. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

9. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

10. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA /PEPERIKSAAN**

11. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

12. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

13. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI
DAN POTENSI**

14. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**PEPERIKSAAN BAGI
TUJUAN PENGESAHAN
DALAM PERKHIDMATAN**

15. Pegawai Kebudayaan hendaklah lulus peperiksaan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan sebelum boleh dipertimbangkan untuk pengesahan dalam perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE MANA-MANA GRED**

16. Pegawai Kebudayaan adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke mana-mana gred kenaikan pangkat yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan Pegawai Kebudayaan yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG
LEBIH TINGGI**

17. Pegawai Kebudayaan Gred B53/54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Kebudayaan yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).

**SKIM PERKHIDMATAN
PENERBIT RANCANGAN**

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN BAKAT DAN SENI
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL, PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
GRED JAWATAN/GAJI	:	B17, B21/22, B25/26, B27/28, B31/32, B37/38, B41/42, B43/44, B47/48, B51/52 , B53/54
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2013

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B17

- (c) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang perfileman dan/atau penerbitan rancangan radio atau televisyen termasuk pementasan, teater, drama, hiburan, ehwal semasa dan lain-lain serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17: RM936.00); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17: RM936.00);

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B27

- (d) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang perfileman dan/atau penerbitan rancangan radio atau televisyen termasuk pementasan, teater, drama, hiburan, ehwal semasa dan lain-lain serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27: RM1,368.00); atau

- (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27: RM1,368.00); atau

- (iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27: RM1,368.00);
atau

- (iv) diploma dalam bidang animasi, komunikasi massa, multimedia, pengajian media, grafik komunikasi, fotografi, penyiaran atau perfileman atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27: RM1,668.78).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B41

- (e) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang perfileman dan/atau penerbitan rancangan radio atau televisyen termasuk pementasan, teater, drama, hiburan, ehwal semasa dan lain-lain.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B41: RM1,926.00);
atau

- (ii) ijazah sarjana muda dalam bidang animasi, komunikasi massa, multimedia, pengajian media, grafik komunikasi, fotografi, penyiaran atau perfileman atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B41: RM1,926.00);
atau

- (iii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang animasi, komunikasi massa, multimedia, pengajian media, grafik komunikasi, fotografi, penyiaran atau perfileman atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B41: RM2,133.30).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(c)(ii), 1(d)(ii), 1(d)(iii), 1(d)(iv) atau 1(e) hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
PENERBIT RANCANGAN
GRED B21 ATAU B25**

3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Penerbit Rancangan Gred B21 atau B25 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

(a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(c) dan 2 di atas; dan

(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau

(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred B21: RM1,960.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B25: RM2,503.00).

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
PENERBIT RANCANGAN
GRED B31 ATAU B37**

4. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Penerbit Rancangan Gred B31 atau B37 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

(a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(d) dan 2 di atas; dan

(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau

(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred B31: RM2,734.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B37: RM3,430.00).

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

5. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jurufotografi Gred B27/28, B31/32, B37/38 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penerbit Rancangan Gred B41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(e) di atas; dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
PENERBIT RANCANGAN
GRED B43, B47, B51, B53**

6. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Penerbit Rancangan Gred B43, B47, B51 atau B53 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(e) dan 2 di atas;
- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau
- (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred B43: RM3,412.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B47: RM4,959.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B51: RM5,579.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B53: RM5,884.00).

SYARAT UJIAN KHAS

7. Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang perfileman dan/atau penerbitan rancangan radio atau televisyen termasuk pementasan, teater, drama, hiburan, ehwal semasa dan lain-lain sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

8. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

9. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

10. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA /PEPERIKSAAN**

11. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

12. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

13. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI
DAN POTENSI**

14. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE MANA-MANA GRED**

15. Penerbit Rancangan adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke mana-mana gred kenaikan pangkat yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan Penerbit Rancangan yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG
LEBIH TINGGI**

16. Penerbit Rancangan Gred B53/54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penerbit Rancangan yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).

**SKIM PERKHIDMATAN
ARTIS BUDAYA**

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN BAKAT DAN SENI
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
GRED JAWATAN/GAJI	:	B17, B21/22, B25/26, B27/28, B31/32, B37/38,
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2013

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B17

- (c) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17:RM936.00); atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17: RM936.00);

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B27

- (d) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang kebudayaan serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27:RM1,368.00); atau

(ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27: RM1,368.00); atau

(iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27:RM1,368.00); atau

- (iv) diploma dalam bidang seni lakon, seni persembahan, seni tari, seni kreatif, seni drama atau seni teater yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27: RM1,668.78).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

- 2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(c)(ii), 1(d)(ii), 1(d)(iii) atau 1(d)(iv) hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
ARTIS BUDAYA
GRED B21 ATAU B25**

- 3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Artis Budaya Gred B21 atau B25 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

(a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(c) dan 2 di atas; dan

(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau

(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred B21: RM1,960.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B25: RM2,503.00).

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
ARTIS BUDAYA
GRED B31 DAN B37**

- 4. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Artis Budaya Gred B31 dan B37 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

(a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(d) dan 2 di atas; dan

(b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau

(ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred B31: RM2,734.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B37: RM3,430.00).

SYARAT UJIAN KHAS

- 5. Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang kebudayaan sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

- 6. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN	7. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	8. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA /PEPERIKSAAN	9. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	10. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	11. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI	12. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED B22	13. Artis Budaya Gred B17 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Artis Budaya Gred B22 yang kosong apabila telah: (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED B26	14. Artis Budaya Gred B21/22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Artis Budaya Gred B26 yang kosong apabila telah: (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED B28	15. Artis Budaya Gred B25/26 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Artis Budaya Gred B28 yang kosong apabila telah: (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED B32**

16. Artis Budaya Gred B27/28 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Artis Budaya Gred B32 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED B38**

17. Artis Budaya Gred B31/32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Artis Budaya Gred B38 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN
KE JAWATAN PEGAWAI
KEBUDAYAAN GRED B41**

18. Artis Budaya Gred B27/28, B31/32, B37/38 yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pegawai Kebudayaan Gred B41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Artis Budaya yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).

**SKIM PERKHIDMATAN
AHLI MUZIK**

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN BAKAT DAN SENI
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL, PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
GRED JAWATAN/GAJI	:	B17, B21/22, B25/26, B27/28, B31/32, B37/38, B41/42, B43/44, B47/48, B51/52 , B53/54
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2013

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah :mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B17

- (c) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu dan/atau lebih alat muzik moden atau tradisional serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17:RM936.00); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17: RM936.00); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Seni Muzik [Pemuzik Tradisional Melayu (*Musician – Malay Traditional Ensemble*), *Contemporary Musician*, *Musician* atau *Musician (Rhythm Section)*] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17: RM1,051.80); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Seni Muzik [Prinsipal Pemuzik Tradisional Melayu (*Principal Musician – Malay Traditional Ensemble*), *Senior Contemporary Musician*, *Principal Musician* atau

Principal Musician (Rhythm Section)] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17: RM1,109.92);

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B27

- (d) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu dan/atau lebih alat muzik moden atau tradisional serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

Gaji permulaan ialah pada Gred B27: RM1,368.00); atau

- (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27: RM1,368.00); atau

- (iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27: RM1,368.00); atau

- (iv) diploma dalam bidang seni muzik yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27: RM1,668.78);

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B41

- (e) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu dan/atau lebih alat muzik moden atau tradisional.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B41: RM1,926.00); atau

- (ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang seni muzik yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B41: RM2,133.30).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(c)(ii), 1(c)(iii), 1(c)(iv), 1(d)(ii), 1(d)(iii), 1(d)(iv) atau 1(e) hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN AHLI MUZIK GRED B21 ATAU B25

3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Ahli Muzik Gred B21 atau B25 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(c) dan 2 di atas; dan

- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau
- (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred B21: RM1,960.00 /

Gaji permulaan lantikan pada Gred B25: RM2,503.00).

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
AHLI MUZIK GRED
B31 ATAU B37**

4. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Ahli Muzik Gred B31 atau B37 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(d) dan 2 di atas; dan

- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau

- (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred B31: RM2,734.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B37: RM3,430.00).

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
AHLI MUZIK GRED
B43, B47, B51 ATAU B53**

5. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Ahli Muzik Gred B43, B47, B51 atau B53 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(e) dan 2 di atas;

- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau

- (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred B43: RM3,412.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B47: RM4,959.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B51: RM5,579.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B53: RM5,884.00).

SYARAT UJIAN KHAS

6. Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan memainkan satu atau lebih alat muzik moden atau tradisional sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN	7. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	8. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	9. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA	10. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	11. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	12. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI	13. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
KENAIKAN PANGKAT KE MANA-MANA GRED	14. Ahli Muzik adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke mana-mana gred kenaikan pangkat yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan Ahli Muzik yang kosong apabila telah: (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED YANG LEBIH TINGGI	15. Ahli Muzik Gred B53/54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Ahli Muzik yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).

**SKIM PERKHIDMATAN
JURUFOTOGRAFI**

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN BAKAT DAN SENI
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
GRED JAWATAN/GAJI	:	B17, B21/22, B25/26, B27/28, B31/32, B37/38
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2013

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B17

- (c) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang fotografi dan/atau kamera filem serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17: RM936.00);
atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17: RM936.00);
atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang fotografi (*Photographer*) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17: RM1,051.80);
atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang fotografi (*Senior Photographer*) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17: RM1,109.92);

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B27

- (d) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang fotografi dan/atau kamera filem serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27:RM1,368.00);
atau

- (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27: RM1,368.00);
atau

- (iii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27: RM1,368.00);
atau

- (iv) diploma dalam bidang fotografi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27: RM1,668.78).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(c)(ii), 1(c)(iii), 1(c)(iv), 1(d)(ii), 1(d)(iii) atau 1(d)(iv) hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN JURUFOTOGRAFI GRED B21 ATAU B25

3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Jurufotografi Gred B21 atau B25 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(c) dan 2 di atas; dan

- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau

- (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred B21: RM1,960.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B25: RM2,503.00)

SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN JURUFOTOGRAFI GRED B31 ATAU B37

4. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Jurufotografi Gred B31 atau B37 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(d) dan 2 di atas; dan

- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau
- (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred B31: RM2,734.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B37: RM3,430.00).

SYARAT UJIAN KHAS

5. Calon lantikan terus adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang seni foto dan/atau kamera filem sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

6. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

7. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

8. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA /PEPERIKSAAN

9. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

10. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

11. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI

12. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE MANA-MANA GRED

13. Jurufotografi adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke mana-mana gred kenaikan pangkat yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan Jurufotografi yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
PENERBIT RANCANGAN
GRED B41, PEREKA
GRED B41 DAN PEGAWAI
BERITA GRED S41**

14. Jurufotografi Gred B27/28, B31/32, B37/38 yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Penerbit Rancangan Gred B41, Pereka Gred B41 atau Pegawai Berita Gred S41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Ahli Fotografi yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).

**SKIM PERKHIDMATAN
JURUSOLEK**

KLASIFIKASI : **PERKHIDMATAN BAKAT DAN SENI**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA**
GRED JAWATAN/GAJI : **B17, B21/22, B25/26**
TARIKH KUAT KUASA : **1 NOVEMBER 2013**

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B17

- (c) (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni solek serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17:RM936.00); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17:RM936.00); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Juruestetik atau Pendandan Rambut atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17: RM1,051.80); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Juruestetik atau Pendandan Rambut atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17: RM1,109.92).

- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**
2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(c)(ii), 1(c)(iii) atau 1(c)(iv) hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
JURUSOLEK GRED
B21 ATAU B25**

3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Jurusolek Gred B21 atau B25 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(c) dan 2 di atas; dan
- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau
- (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred B21: RM1,960.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B25: RM2,503.00).

SYARAT UJIAN KHAS

4. Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang seni solek sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

5. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

6. Pegawai yang dilantik secara terus adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

7. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM
TRANSFORMASI MINDA/
PEPERIKSAAN**

8. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

9. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

10. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN
KOMPETENSI DAN
POTENSI**

11. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE MANA-MANA GRED**

12. Jurusolek adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke mana-mana gred kenaikan pangkat yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan Jurusolek yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;

- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
PEREKA GRED B27**

13. Jurusolek yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pereka Gred B27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Jurusolek yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).

**SKIM PERKHIDMATAN
PEREKA**

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN BAKAT DAN SENI
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL, PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
GRED JAWATAN/GAJI	:	B17, B21/22, B25/26, B27/28, B31/32, B37/38, B41/42, B43/44, B47/48, B51/52 , B53/54
TARIKH KUAT KUASA	:	1 NOVEMBER 2013

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B17

- (c) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17:RM936.00); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17: RM936.00); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Seni Grafik [Pereka Grafik (*Graphic Designer*)] atau Perekabentuk Multimedia [Artis Multimedia - Visual (*Multimedia Artist - Visual*)] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17: RM1,051.80); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Seni Grafik [Eksekutif Rekaan Grafik (*Graphic Designing Executive*)] atau Perekabentuk Multimedia [Pereka Bentuk Multimedia - Animasi & Visual (*Multimedia*

Designer - Animation & Visual]] atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B17: RM1,109.92);

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B27

- (d) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27: RM1,368.00);
atau

- (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27: RM1,368.00);
atau

- (iii) diploma dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B27: RM1,668.78);

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B41

- (e) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B41: RM1,926.00);
atau

- (ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B41: RM2,133.30).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PEREKA GRED B21 ATAU B25

2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(c)(ii), 1(c)(iii), 1(c)(iv), 1(d)(ii), 1(d)(iii) atau 1(e) hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pereka Gred B21 atau B25 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
 - (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(c) dan 2 di atas; dan

- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau
- (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred B21: RM1,960.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B25: RM2,503.00).

**SYARAT LANTIKAN
TERUS KE JAWATAN
PEREKA GRED B31
ATAU B37**

4. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pereka Gred B31 atau B37 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(d) dan 2 di atas; dan

- (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau

- (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(Gaji permulaan lantikan pada Gred B31: RM2,734.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred B37: RM3,430.00).

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN KE
JAWATAN PEREKA
GRED B27**

5. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jurusolek Gred B17, B21/22, B25/26 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pereka Gred B27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d) di atas; dan

- (b) had umur pelantikan:

- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

- (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN KE
JAWATAN PEREKA
GRED B41**

6. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jurufotografi Gred B27/28, B31/32, B37/38 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pereka Gred B41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(e) di atas; dan

	(b) had umur pelantikan: (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PEREKA GRED B43, B47, B51 ATAU B53	7. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pereka Gred B43, B47, B51 atau B53 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut: (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(e) dan 2 di atas; (b) (i) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau (ii) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. (Gaji permulaan lantikan pada Gred B43: RM3,412.00/ Gaji permulaan lantikan pada Gred B47: RM4,959.00/ Gaji permulaan lantikan pada Gred B51: RM5,579.00/ Gaji permulaan lantikan pada Gred B53: RM5,884.00).
SYARAT UJIAN KHAS	8. Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.
PENETAPAN GAJI PERMULAAN	9. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	10. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	11. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN	12. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

13. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

14. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI

15. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

KENAIKAN PANGKAT KE MANA-MANA GRED

16. Pereka adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke mana-mana gred kenaikan pangkat yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan Pereka yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED YANG LEBIH TINGGI

17. Pereka Gred B53/54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pereka yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI BERITA**

KLASIFIKASI	: PERKHIDMATAN SOSIAL
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
GRED JAWATAN/GAJI	: S41, S44, S48, S52, S54
TARIKH KUAT KUASA	: 1 NOVEMBER 2013

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM1,909.00); atau

(ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,112.86).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Wartawan Gred S27, 32, 38 atau Jurufotografi Gred B27/28, B31/32, B37/38 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pegawai Berita Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN	4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred S41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA /PEPERIKSAAN	7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI	10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED S44	11. Pegawai Berita Gred S41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Berita Gred S44 yang kosong apabila telah: (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED S48	12. Pegawai Berita Gred S44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Berita Gred S48 yang kosong apabila telah: (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED S52	13. Pegawai Berita Gred S48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Berita Gred S52 yang kosong apabila telah: (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED S54**

14. Pegawai Berita Gred S52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Berita Gred S54 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG
LEBIH TINGGI**

15. Pegawai Berita Gred S54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Berita yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).

FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Nyatakan nama jawatan seperti dalam skim perkhidmatan berkenaan.

(b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan* : Nama Agensi.

(c) Kumpulan Perkhidmatan : Nyatakan sama ada Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Pelaksana.

(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Nyatakan Klasifikasi Perkhidmatan yang mengandungi skim perkhidmatan tersebut wujud.
2. Jadual Gaji : Rujuk pekeliling perkhidmatan yang berkuat kuasa.
3. Syarat Lantikan : Seperti syarat lantikan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.
4. Taraf Jawatan : Nyatakan sama ada bertaraf tetap, sementara atau kontrak.
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan (nyatakan seperti di 1(a) di atas) adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Untuk diisi oleh Ketua Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.
7. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

(* Potong mana yang tidak berkenaan)

LAMPIRAN C

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN
(PEGAWAI KEBUDAYAAN GRED B11, AHLI FOTOGRAFI GRED B11,
JURUSOLEK GRED B11 DAN PEREKA GRED B11 YANG MEMILIKI SPM
ATAU KELAYAKAN YANG DIIKTIRAF SETARAF DENGANNYA)**

(Nama dan Alamat Ketua Jabatan)

.....
.....

Fail Ruj.:

Tarikh:

Nama : (Nama pegawai)

Alamat :

.....

Tuan,

TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI KEBUDAYAAN, PENERBIT RANCANGAN, ARTIS BUDAYA, AHLI MUZIK, AHLI FOTOGRAFI, JURUSOLEK, PEREKA DAN PEGAWAI BERITA MELALUI PEMBERIAN OPSYEN

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan pindaan skim perkhidmatan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Bakat dan Seni dan skim perkhidmatan Pegawai Berita berkuat kuasa pada **1 November 2013**. Sehubungan itu, tuan/puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan (nama skim perkhidmatan dan gred jawatan baharu) di (Nama Jabatan) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Bakat dan Seni.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran C1**. Tuan/Puan dikehendaki memberi jawapan sama ada **menerima atau menolak tawaran** pertukaran pelantikan ini dengan mengisi Borang Opsyen di **Lampiran C2**. Jawapan tuan/puan hendaklah sampai ke pejabat ini sebelum atau pada (30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan).

2.1 Sekiranya tuan/puan **menerima tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (a) dalam Borang Opsyen di Lampiran C2**. Tuan/Puan juga hendaklah memilih sama ada:

- (a) terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan dengan gaji RM atas Gred mulai pada tarikh yang sama; atau
- (b) ditukar lantik sehari selepas dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal. Tuan/Puan akan dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di gred jawatan asal dalam skim perkhidmatan asal sehingga memenuhi syarat yang ditetapkan;

atau

2.2 Sekiranya tuan/puan **menolak tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (b) dalam Borang Opsyen di Lampiran C2**. Tuan/Puan akan dikekalkan dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)

**SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN BAGI
PEGAWAI KEBUDAYAAN GRED B11, AHLI FOTOGRAFI GRED B11,
JURUSOLEK GRED B11 DAN PEREKA GRED B11 YANG MEMILIKI SPM
ATAU KELAYAKAN YANG DIIKTIRAF SETARAF DENGANNYA**

- | | | |
|----|--|--------------------------------|
| 1. | <p>Kerajaan telah memutuskan pindaan skim perkhidmatan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Bakat dan Seni dan skim perkhidmatan Pegawai Berita berkuat kuasa pada 1 November 2013. Dengan keputusan itu, tuan/puan diberi opsyen sama ada menerima tawaran untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan ataupun menolak tawaran pertukaran pelantikan. Jika tuan/puan menolak tawaran pertukaran pelantikan ini, tuan/puan akan dikekalkan dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Opsyen ini adalah muktamad.</p> | OPSYEN |
| 2. | <p>Bagi tuan/puan yang menerima tawaran untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan (<u>nama skim perkhidmatan dan gred jawatan baharu</u>), tuan/puan boleh memilih sama ada:</p> <p>(a) terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan; atau</p> <p>(b) ditukar lantik sehari selepas dinaikkan pangkat secara <i>time-based</i> berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal. Tuan/Puan akan kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP dalam skim perkhidmatan asal sehingga sehari selepas kenaikan pangkat secara <i>time-based</i> tersebut.</p> | |
| 3. | <p>Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/puan untuk membuat pilihan ialah 30 hari mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan atau tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah dianggap menolak tawaran pertukaran pelantikan dan akan dikekalkan dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP.</p> | TEMPOH MEMBUAT OPSYEN |
| 4. | <p>Tuan/Puan akan ditawarkan ke skim perkhidmatan (<u>nama skim perkhidmatan dan gred jawatan baharu</u>).</p> | JAWATAN YANG DITAWARKAN |

- | | | |
|----|---|---|
| 5. | Tuan/Puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik. | PEMAKAIAN SYARAT
DAN PERATURAN
PERKHIDMATAN
BAHARU |
| 6. | <p>(i) Tuan/Puan yang memilih untuk terus ditukar lantik akan ditawarkan:</p> <p style="margin-left: 40px;">(a) gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau</p> <p style="margin-left: 40px;">(b) gaji yang sama dengan gaji akhir di gred jawatan asal jika gaji akhir tuan/puan di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu.</p> <p>(ii) Tuan/Puan yang memilih untuk ditukar lantik setelah dinaikkan pangkat secara <i>time-based</i> berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal, gaji tuan/puan akan diselaraskan di gred jawatan baharu sehari selepas dinaikkan pangkat mengikut prinsip di perenggan 6 (i) di atas.</p> <p>Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, JPA.</p> | GAJI PERMULAAN |
| 7. | Pergerakan Gaji Tahunan jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai dalam tahun pertukaran pelantikan dikuatkuasakan hendaklah diberi pada Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) jawatan asal mengikut amaun Kenaikan Gaji Tahunan di jawatan asal. | PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN |
| 8. | TPG tuan/puan adalah dikekalkan mengikut TPG jawatan asal. | TARIKH
PERGERAKAN GAJI |
| 9. | Tuan/puan dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan jika tuan/puan telah disahkan dalam perkhidmatan asal. Walau bagaimanapun untuk tujuan pencen, tuan/puan hendaklah disahkan dalam perkhidmatan baharu oleh Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. | TEMPOH
PERCUBAAN BAGI
PEGAWAI YANG
TELAH DISAHKAN |

- | | | |
|-----|--|--|
| 10. | Tuan/puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan asal, dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh sekurang-kurangnya satu (1) tahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan jawatan asal tertakluk dengan syarat tuan/puan telah memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di jawatan asal adalah dikecualikan. | TEMPOH
PERCUBAAN BAGI
PEGAWAI YANG
BELUM DISAHKAN |
| 11. | Kekananan tuan/puan di jawatan baharu akan dikira mulai tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. | KEKANANAN |
